

Pengeluaran getah negara akan dipertahan

RISDA diarah pesatkan usaha

KUALA LUMPUR, Sabtu — Kerajaan akan mengarahkan Lembaga Kemajuan Pekebun-pekebun Kecil Getah (RISDA) memesatkan usaha memajukan taraf ekonomi pekebun-pekebun kecil di negara ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, menegaskan adalah hasrat Kerajaan agar Risda dan Persatuan Pekebun-pekebun Kecil menerokai bidang pemasaran, perkilangan dan pemerosesan bahan-bahan getah kepada bahan-bahan yang boleh dipasarkan terus sebagai bahan pengguna.

Dalam ucapan merasmikan mesyuarat agung Persatuan Kebangsaan Pekebun-pekebun Kecil Malaysia, beliau berkata rakyat Malaysia boleh berbangga kerana pengeluaran getah negara telah mengharumkan nama Malaysia.

"Kita akan mempertahankan kedudukan ini untuk kepentingan ekonomi negara," tegas beliau.

Menurut Datuk Seri Dr. Mahathir, Kerajaan telah banyak

Oleh AHMAD PUAD ONAH

mengeluarkan subsidi dan berbagai jenis bantuan bagi kepentingan pekebun-pekebun kecil.

Tujuannya supaya taraf hidup masyarakat pekebun kecil dapat diperbaiki, setanding dengan golongan-golongan lain.

"Tetapi dalam hal ini, kita harus sedar bahawa subsidi dan bantuan yang diberikan itu tidak akan memberi apa-apa manfaat kepada pekebun-

pekebun kecil kecuali mereka memupuk sikap banggap dan tekun bekerja," ujarnya.

Sebagai langkah pertama, pekebun kecil harus meningkatkan pengeluaran mereka.

Dengan pelancaran skim pengalakan tanam semula (Sepentas), ketimbangan pekebun kecil terhadap hilangnya mata pencarian mereka dalam tempoh penanaman semula, telah dapat diatasi.

Menurut Perdana Menteri, peluang mendapatkan wang di desa adalah luas dan syaratnya ialah usaha.

Kaum wanita pekebun kecil dan bella perlu meninjau dan mengusahakan sumber-sumber desa yang boleh dipasarkan secara besar-besaran ke bandar-bandar tempatan atau ke luar negeri.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, Kerajaan telah meletakkan asas-asas tertentu untuk memesatkan pembangunan luar bandar.

Gerakan Koperatif, Pusat Pembangunan Pekebun Kecil, estetemi, sekolah latihan, tabika, asrama dan sebagainya harus sebaik-baiknya digunakan demi faedah rakyat.

"Malangnya, kerana adanya sikap sebahagian rakyat yang tidak tahu menilai segala asas yang disediakan, maka berakutnya penyelewangan," kata Datuk Seri Dr. Mahathir.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia